

08/10/2002

NGO patut diberi peluang dapatkan dana

Tan Sri Lee Lam Thye

BAJET 2003, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Parlimen pada 20 September lalu, secara keseluruhannya diterima baik oleh seluruh rakyat, sungguhpun ada pihak tertentu menaruh harapan yang lebih tinggi kepada bajet itu.

Bajet kali ini lebih prihatin dan memberi peruntukan untuk membantu pelajar daripada keluarga miskin, ibu tunggal, perkembangan wanita dan institusi kekeluargaan, warga tua, mereka yang sakit dan kurang upaya serta pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS).

Bajet itu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pelaburan domestik, pertumbuhan IKS, pengurangan kos untuk menjalankan perniagaan.

Beberapa saranan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri memberi tumpuan kepada industri tempatan untuk meningkatkan pelaburan domestik. Bajet itu juga merangka usul untuk menarik lebih ramai lagi pelabur asing untuk melabur secara langsung di bidang perniagaan baru.

Pengurangan cukai perniagaan daripada 28 peratus kepada 20 peratus untuk industri kecil dan sederhana akan membantu menggalakkan pertumbuhan IKS serta pelaburan domestik di negara ini.

Penjimatan cukai sebanyak lapan peratus yang berjumlah RM8,000 untuk setiap pendapatan RM100,000 yang pertama akan membantu kira-kira 34,000 syarikat kecil dan sederhana. Industri itu harus menggunakan penjimatan ini untuk meningkatkan sistem informasi, komputer dan telekomunikasi mereka agar tidak ketinggalan dalam era globalisasi.

Mereka harus menaikkan taraf keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan melaksanakan langkah yang dapat menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah pada pembentangan Bajet 2003, Dr Mahathir menyatakan bahawa kerajaan bukan saja akan mengambil langkah untuk meningkatkan pendapatan negara, malah mengambil langkah berpatutan untuk memupuk nilai moral, menanam nilai keagamaan serta memelihara perpaduan dan kesefahaman bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan progresif dengan nilai moral yang tinggi.

Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya institusi pendidikan dan perpaduan negara. Sistem pendidikan kita haruslah dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan sekolah dan pusat pengajian tinggi dapat memainkan fungsi sewajarnya dalam memupuk nilai moral serta menggalakkan perpaduan dan kesefahaman bagi menangani isu polarisasi dan kurang interaksi di antara pelajar berlainan bangsa.

Dalam usaha untuk meningkatkan perkembangan wanita dan institusi kekeluargaan, sebanyak RM99.1 juta diperuntukkan untuk tahun depan. Ini adalah peningkatan sebanyak 68 peratus berbanding tahun ini.

Saya berharap lebih banyak lagi program bermutu dapat dijalankan untuk menguatkan lagi institusi kekeluargaan, agar mereka lebih progresif dalam membantu mendidik anak-anak dan menangani masalah sosial yang membelenggu remaja dan belia masa ini.

Bantuan kewangan sebanyak RM120 setahun, yang akan dibayar setahun sekali kepada pelajar sekolah rendah daripada keluarga yang kurang berkemampuan untuk membeli pakaian seragam dan barangan sekolah lain adalah suatu cadangan bijak. Ini adalah tambahan kepada peruntukan sedia ada iaitu RM470 untuk setiap pelajar sekolah rendah di bawah program buku pinjaman dan bantuan makanan.

Bagaimanapun, saya mencadangkan agar bayaran tunai itu ditukar kepada

bentuk baucar untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan atau disalahgunakan.

Saya juga menyambut baik usaha kerajaan untuk memastikan agar 130,000 ibu tunggal berpendapatan kurang RM600 sebulan diberi keutamaan untuk membeli rumah kos rendah.

Melihat kepada peruntukan kerajaan pada tahun ini, saya dapat menjangka bahawa bajet tahun depan akan memberi lebih tumpuan kepada generasi muda.

Peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk beberapa projek perumahan kos rendah bagi memantau keperluan mereka yang memerlukan adalah kena pada masanya.

Dengan membina lebih banyak rumah kos rendah dan mengadakan sebuah sistem pembahagian yang adil, kerajaan dapat menangani masalah perumahan yang dihadapi oleh penduduk pendapatan rendah.

Satu lagi perkara ialah saranan kerajaan untuk memberi bantuan kewangan kepada pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menjalankan kegiatan mereka agar dapat memberikan sumbangan positif dalam membantu mereka yang kurang upaya dan memerlukan, serta dalam aspek pertumbuhan negara.

NGO menghadapi pelbagai cabaran untuk mendapatkan sumbangan bagi memenuhi dana mereka dalam menjalankan kegiatan yang akan memberi hasil kepada masyarakat.

Dengan peruntukan sebanyak RM102.1 juta kepada lapan kementerian untuk tujuan ini, saya mencadangkan langkah tertentu diambil oleh kementerian itu agar NGO dapat memohon bantuan untuk menjalankan kegiatan yang relevan.

Dalam usaha ini saya mencadangkan kerajaan memperuntukkan lebih kurang setengah atau RM1 juta kepada Pemadam, sebuah NGO yang terbabit dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah.

TAN SRI LEE LAM THYE,
Kuala Lumpur.